

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96**

November/Disember 1995

PLG 517 - Pengajian Kurikulum (Curriculum Studies)

Masa: [2 jam]

BAHAGIAN A

Soalan 1: Soalan ini WAJIB dijawab

1. Mohd Daud Hamzah (1993) menyatakan bahawa huraian tepat tentang kurikulum perlu dikemukakan melalui teori kurikulum.

Berdasarkan kenyataan di atas:

- [a] Huraikan maksud teori kurikulum berasaskan hujah atau pendapat yang dikemukakan oleh beberapa orang pakar kurikulum.
- [b] Pilih DUA teori kurikulum, bincangkan dan bandingkan kedua-dua teori tersebut daripada aspek falsafah, tumpuan, andaian-andaian, kekuatan dan kekurangan.

[40 markah]

...2/-

BAHAGIAN B

Jawab SATU soalan sahaja.

2. Bincangkan objektif-objektif satu mata pelajaran sekolah yang anda pilih. Hujahkan sama ada ia suatu “kurikulum berpusatkan subjek”, “kurikulum berpusatkan masyarakat” atau “kurikulum berpusatkan murid”. Berikan alasan-alasan anda dengan menggunakan perspektif-perspektif utama dalam perancangan kurikulum.

[30 markah]

3. Dalam reka bentuk sesebuah kurikulum, faktor sosio-ekonomi serta tekanan oleh pihak-pihak tertentu seperti industri memainkan peranan yang penting.

Dengan merujuk kepada kenyataan di atas anda dikehendaki mereka bentuk corak kurikulum yang akan wujud di negara kita dalam masa 25 tahun dari sekarang.

[30 markah]

BAHAGIAN C

Jawab SATU soalan sahaja dari Bahagian ini.

4. [a] Huraikan konsep reka bentuk pengajaran dengan berteraskan teori-teori dan prinsip-prinsip tertentu.
- [b] Bagaimanakah model reka bentuk pengajaran ASSURE dapat digunakan untuk menghasilkan media pengajaran?

[30 markah]

5. Dalam model reka bentuk pengajaran Dick & Reiser (1989) terdapat beberapa langkah aktiviti pengajaran. Bincangkan bagaimana aktiviti-aktiviti ini dapat digunakan oleh guru untuk melaksanakan pengajaran yang berkesan.

[30 markah]